# Kembar seiras raih Doktor Perubatan Veterinar

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari




LIHAT JUGA



Fatin Amirah YDPA MPP UPM sesi 20
(/berita/fatin_amirah_ydpa_mpp_upm



UPM dan My Cytohealth Sdn Bhd jali
regeneratif untuk haiwan
(/berita/upm_dan_my_cytohealth_sdn
ubatan_regeneratif_untuk_haiwan-72



Tambah pendapatan program mobilit
Ramadan
(/berita/tambah_pendapatan_progran
r_ramadan-72260)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000
+603-9769 1000
---
@ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

**SERDANG, 26 Nov** - Sesi 1 Majlis Konvokesyen UPM ke-46 menjadi saksi kegembiraan kembar seiras, Muhammad Hazman Mustaffer,24 (abang) dan Muhammad Hazmi Mustaffer,24 berjaya meraih Doktor Perubatan Veterinar dengan cemerlang.

Bercerita tentang perjalanan menuntut ilmu di UPM, Hazmi berkata masing-masing mendapat tawaran di Pusat Asasi Sains Pertanian (ASPer) UPM dan meneruskan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang sama memandangkan masing-masing mempunyai minat yang sama dalam bidang veterinar.

"Selepas Asasi kami memang hendak menjadi seorang doktor haiwan dan rezeki kami berdua dipanggil sekali temu duga dan masing-masing berjaya melanjutkan pengajian dalam bidang ini.

"Kini, kami berdua juga sudah bekerja di klinik haiwan yang sama Furmily Animal Medical Center, Kedah. Saya berasa sangat bersyukur dan gembira atas pencapaian ini" katanya.

Menariknya, enam daripada tujuh beradik keluarga ini juga merupakan Alumni UPM termasuklah bapanya, Mustaffer Abdullah yang juga merupakan bekas pelajar Diploma Pertanian UPM.

Sementara itu, Hazman meluahkan rasa gembira dapat megharungi cabaran menamatkan pengajian selama lima tahun bersama adik kembarnya.

"Terima kasih UPM terutamanya Dekan Fakulti Perubatan Veterinar pada ketika itu Professor Dato' Dr. Mohd Hair Bejo kerana memberi peluang kepada kami belajar lima tahun di fakulti ini. Banyak ilmu pengetahuan dan pengalaman yang kami belajar," katanya. -UPM

Tarikh Input: 26/11/2022 | Kemaskini: 26/11/2022 | hairul_nizam



## PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fkembar_seiras_raih_doktor_perubatan_veterinar-70181&title=Kembar%20Seiras%20Raih%20Doktor%20Perubatan%20Veterinar%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

### HUBUNGI KAMI

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

-

spk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938)
Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2023 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan